# PERKHIDMATAN DI KAUNTER PUSAT KELULUSAN SETEMPAT (*ONE STOP CENTRE*), BAHAGIAN PENGURUSAN PEKERJA ASING (BPPA), KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KEMASKINI JANUARI 2022)

## 1. Pelanjutan Tempoh Kelulusan Bersyarat Penggajian Pekerja Asing Bagi Semua Sektor

Tempoh permohonan: **3 Februari 2022 sehingga 31 Mei 2022**;
Waktu Permohonan : **Isnin – Jumaat (9.00 Pagi hingga 3.00 Petang)**

| No. | Tindakan |
|---|---|
| 1. | <u>Syarat-Syarat Permohonan / Maklumat:</u><br>i. Terbuka kepada majikan yang telah mendapat **Surat Kelulusan Bersyarat dan telah tamat tempoh antara 1 Mac 2020 sehingga 30 September 2021**;<br>ii. Majikan yang **telah membuat/menerima tuntutan semula levi dan juga di bawah sektor beku tidak layak untuk memohon**;<br>iii. Semua majikan / wakil majikan **perlu hadir ke OSC BPPA, KDN** dan mengemukakan borang beserta dokumen yang diperlukan; dan<br>iv. Tempoh lanjutan yang diberikan adalah selama 12 bulan dari tarikh kelulusan permohonan lanjutan. |
| 2. | Lengkapkan **borang Permohonan Pelanjutan Surat Kelulusan Bersyarat** dan **dokumen-dokumen sokongan :**<br><br>http://www.moha.gov.my/images/maklumat_bahagian/UKOM/Borang_permohonan_pelanjutan_surat_kelulusan_Tahun_2022.pdf<br><br>**Dokumen-dokumen sokongan yang perlu disertakan:**<br>i. **Sijil Pendaftaran Syarikat** (Borang 9, 13, 24, 49 & Borang D) - **Salinan diakui sah secara digital;**<br>ii. (***Digital Certified True Copy***) dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) **yang terkini;**<br>iii. **Salinan Kad Pengenalan Pengarah** (Nama tersenarai dalam Borang 49);<br>iv. **Surat Kelulusan Bersyarat (ASAL)** (Tidak dikembalikan kepada Majikan);<br>v. **Resit Bayaran Levi** (Asal dan Salinan);<br>vi. **Surat Perwakilan daripada Majikan dan Kad Pengenalan** (Jika Wakil Syarikat); dan<br>vii. **Penyata Caruman KWSP 3 Bulan terkini** (Berturutan) (Jika Wakil Syarikat); |
| 3. | Majikan / Wakil majikan hadir ke OSC BPPA, KDN secara temujanji atau tanpa temujanji untuk mengemukakan permohonan.<br><br>Keutamaan akan diberikan kepada majikan yang hadir dengan temujanji melalui **https://etemujanji.moha.gov.my** . |

## 2. Pengemaskinian Maklumat Majikan / wakil Majikan (Sistem MyIMMs)

| No. | Tindakan |
|---|---|
| 1. | Menghadapi masalah daftar sistem ePLKS? |
| 2. | Pastikan maklumat dikunci masuk secara tepat dalam sistem ePLKS.<br><br>Contoh: No. pendaftaran syarikat dan no. kad pengenalan **dengan bertanda (-).** |
| 3. | Maklumat syarikat masih tidak dijumpai dalam sistem ePLKS dan notifikasi Slip Rujukan OSC KDN dikeluarkan:<br><br>JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA<br>BAHAGIAN PEKERJA ASING<br>SISTEM LANJUTAN ePLKS@JIM<br>SLIP RUJUKAN OSC KDN<br>Tarikh : 18 / May / 2020<br>Masa : 11:20:14<br>Nombor ROC Syarikat : 399136-M<br>Nombor Pengenalan : 454545-45-4545<br>Permohonan untuk pendaftaran ID pengguna sistem ePLKS@JIM TIDAK BERJAYA kerana maklumat syarikat atau maklumat majikan atau wakil tidak dijumpai.<br>Mohon merujuk ke OSC Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, Kementerian Dalam Negeri Putrajaya untuk mendaftar atau mengemaskini maklumat syarikat dan maklumat majikan atau wakil majikan.<br>Terima Kasih kerana berurusan terus dengan kami.<br>**(Perhatian: Ini adalah cetakan berkomputer. Tanda tangan tidak diperlukan)** |
| 4. | Lengkapkan borang **Permohonan Pengemaskinian Maklumat Majikan/ Wakil Majikan (Sistem MyIMMs)** dan **dokumen-dokumen sokongan :**<br><br>https://www.moha.gov.my/images/Pengemaskinian_Maklumat_Majikan_atau_Wakil_Majikan_-_kemaskini_28.02.2020.pdf<br><br> |

<table>
<tr><th>No.</th><th colspan="2">Tindakan</th></tr>
<tr><td rowspan="4">5.</td><td colspan="2"><u>Cara-cara mengemukakan permohonan ke OSC, BPPA, KDN:</u><br><br>Alamat:<br><br>Pusat Kelulusan Setempat (OSC)<br>Bahagian Pengurusan Pekerja Asing,<br>Kementerian Dalam Negeri,<br>Aras 5, Blok D9, Kompleks D,<br>Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan<br>62546 Putrajaya.</td></tr>
<tr><td>Cara 1<br><br>atau</td><td>Hadir ke kaunter OSC BPPA, KDN untuk mengemukakan permohonan secara hardcopy.<br><br>Majikan digalakkan hadir secara temujanji melalui portal:<br>https://etemujanji.moha.gov.my</td></tr>
<tr><td>Cara 2<br><br>atau</td><td>Mengemukakan permohonan melalui pos.</td></tr>
<tr><td>Cara 3</td><td>Mengemukakan permohonan melalui emel: osc_bppa@moha.gov.my.<br><br><u>Catatan:</u><br>Jangka masa pemprosesan lebih panjang berbanding urusan melalui kaunter dan pos kerana pengesahan dokumen perlu dibuat dengan lebih teliti atas faktor-faktor keselamatan.</td></tr>
<tr><td>6.</td><td colspan="2">OSC, BPPA KDN akan memaklumkan semula kepada majikan apabila pengemaskinian telah dibuat.</td></tr>
<tr><td>7.</td><td colspan="2">Majikan boleh membuat pendaftaran semula bagi ID dalam sistem ePLKS:<br>https://imigresen-online.imi.gov.my/plks</td></tr>
</table>

**3. Pertukaran Lokasi**
**4. Pengemaskinian Nama dan Alamat Syarikat**
**5. Penyelarasan Nombor Pendaftaran Syarikat**

<table>
<tr><th>No.</th><th colspan="2">Tindakan</th></tr>
<tr><td>1.</td><td colspan="2">Majikan / Syarikat ingin membuat:<br><br>a) Pertukaran Lokasi; atau<br>b) Pengemaskinian Nama dan Alamat Syarikat; atau<br>c) Penyelarasan Nombor Pendaftaran Syarikat.</td></tr>
<tr><td>2.</td><td colspan="2">Muat turun borang dan senarai semak yang berkenaan seperti berikut:<br><br><table><tr><td>Pertukaran Lokasi</td><td>https://www.moha.gov.my/images/Pertukaran_Lokasi_Pekerja_Asing_-_kemaskini_02.10.2020.pdf</td></tr><tr><td>Pengemaskinian Nama dan Alamat Syarikat</td><td>https://www.moha.gov.my/images/Pengemaskinian_Nama_dan_Alamat_Syarikat_-_kemaskini_28.02.2020.pdf</td></tr><tr><td>Penyelarasan Nombor Pendaftaran Syarikat</td><td>https://www.moha.gov.my/images/Penyelarasan_Nombor_Pendaftaran_Syarikat_-_kemaskini_28.02.2020.pdf</td></tr></table></td></tr>
<tr><td>3.</td><td colspan="2">Lengkap borang permohonan dan dokumen-dokumen sokongan.</td></tr>
<tr><td rowspan="3">4.</td><td colspan="2"><u>Cara-cara mengemukakan permohonan ke OSC, BPPA, KDN:</u><br><br>Alamat:<br><br>Pusat Kelulusan Setempat (OSC)<br>Bahagian Pengurusan Pekerja Asing,<br>Kementerian Dalam Negeri,<br>Aras 5, Blok D9, Kompleks D,<br>Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan<br>62546 Putrajaya.</td></tr>
<tr><td>Cara 1</td><td>Hadir ke kaunter OSC BPPA, KDN untuk mengemukakan permohonan secara hardcopy.<br><br>Majikan digalakkan hadir secara temujanji melalui portal:<br>https://etemujanji.moha.gov.my</td></tr>
<tr><td>Cara 2</td><td>Mengemukakan permohonan melalui pos.</td></tr>
</table>

| No. | Tindakan |
|---|---|
| 5. | **<u>Peringatan :</u>**<br><br>Bagi permohonan tukar lokasi, kaedah pengemukaan dokumen adalah seperti berikut :<br><br>i. 1 hingga 10 orang pekerja asing : Kaunter / pos<br><br>ii. Lebih daripada 10 orang pekerja asing : Kaunter dan pos sahaja |
| 6. | OSC, BPPA KDN akan memaklumkan semula kepada majikan apabila pengemaskinian telah dibuat. |

## 6. Permohonan Tuntutan Bayaran Balik Levi

| No. | Tindakan |
|---|---|
| 1. | Majikan / Syarikat ingin mengemukakan permohonan tuntutan bayaran balik levi bagi kuota pekerja asing yang tidak digunakan / pekerja tidak masuk / pekerja tidak sihat (*unfit*). |
| 2. | Pastikan kelulusan telah tamat tempoh. |
| 3. | Muat turun borang dan senarai semak permohonan tuntutan bayaran balik levi berikut:<br>https://www.moha.gov.my/images/borang/Borang%20Refund%20Levi%20%20_102015_.pdf |
| 4. | Lengkapkan borang permohonan dan dokumen-dokumen sokongan dalam senarai semak.<br><br>**Sila pastikan semua dokumen yang diperlukan adalah lengkap kerana permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.** |
| 5. | Hadir ke kaunter OSC BPPA, KDN untuk mengemukakan permohonan secara *hardcopy*.<br><br>Majikan digalakkan hadir secara temujanji melalui portal:<br>https://etemujanji.moha.gov.my<br><br>Alamat:<br>Pusat Kelulusan Setempat (OSC)<br>Bahagian Pengurusan Pekerja Asing,<br>Kementerian Dalam Negeri,<br>Aras 5, Blok D9, Kompleks D,<br>Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan<br>62546 Putrajaya. |
| 6. | Setelah kelulusan diperolehi, Bahagian Pengurusan Pekerja Asing, KDN akan mengemukakan kelulusan kepada Bahagian Akaun untuk tujuan pembayaran. Surat makluman akan disalinkan kepada majikan / syarikat. |